

# Peliharana strategi unik

UM

25/6/2007

Oleh SOBRI SUDIN

**GENERASI** selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang direncanakan dengan begitu baik bagi mencapai mobiliti sosial mungkin tidak pernah membayangkan bagaimana pesatnya kemakmuran ekonomi negara, selain kestabilan politik yang konsisten.

Dalam konteks ini, ada tiga angkubah yang berperanan dan saling berhubung kait antara satu sama lain. Tokoh-tokoh sosiologi seperti Max Weber misalnya melihat bahawa jika banyak elemen centripetal (dalam gagasan negara majmuk) maka akan seimbanglah negara berkenaan.

Apa rahsia kejayaan negara selama lebih lima dekad mempertahankan *fundamental* kestabilan politik, keharmonian kaum dan kemakmuran ekonomi yang berpanjangan. Enam faktor dikenal pasti :

- Pemerintah dan kerajaan konsisten. Tidak adanya perubahan rejim pemerintah yang drastik sama ada secara revolusi mahupun proses demokratik.

- Ini membolehkan, rangka dasar pembangunan, anutan sistem pemerintahan acuan Barisan Nasional mampu dijayakan semaksimal mungkin. Ke arah kemantapan negara.

- Berkesannya fungsi institusi, sistem pentadbiran yang sekian banyaknya sudah pun diasaskan oleh penjajah British. Malaysia yang merdeka menyediakan rangka dasar, sistem pentadbiran awam, hala tuju ekonomi, dan pengurusan yang kukuh.

- Dominasi sistem *party government* dan kaedah politik muafakat yang berkesan sehinggakan semua kaum punyai platform masing-masing sebagai wakil hasrat dan aspirasi mereka.

- Wujudnya strategi dalam bentuk akta dan undang-undang yang diselaraskan dalam konteks Perlembagaan menggunakan kaedah *containment* dan *purposive depoliticization*, sungguhpun kadangkalanya, sekian banyak *corrective law* ini dilihat sebagai *Draconian Law*. Akan tetapi hakikatnya inilah prinsip terbaik yang digunakan pakai oleh kerajaan da-

lam situasi semangat dan falsafah undang-undang yang menekankan '*prevention is better than cure*'.

- Pengekalan status-quo kaum, dengan adanya liberalisasi dan toleransi yang cukup tinggi berhubung kebebasan beragama, berbudaya dan beraktiviti mengikut fahaman dan ideologi masing-masing.

Jika diamati kesemua enam indikator berkenaan, membuktikan tiga perkara penting:

Pertama, pemerintah yang mahu mentadbir negara ini, harus punya upaya untuk merealisasikan kesemua indikator berkenaan. Menjadi kerajaan Malaysia bermakna bukan mewakili ras atau kepentingan kaum tertentu, sungguhpun dari sudut alamiahnya teras politik Malaysia berakar fahaman perkauman.

## Pakatan


Namun segala kehendak kaum yang pelbagai diselaraskan dengan pakatan dan konsep kongsi kuasa. Ia diterjemahkan dalam gagasan pembinaan *grand-coalition*, sebelum 1974 dikenali Perikatan. Kini pakatan tersebut dianggotai oleh 14 parti komponen dengan UM-NO sebagai tonggakunya.

Ruang, medium dan wahana dalam Barisan Nasional inilah merupakan strategi unik, bagaimana nilai atau unsur-unsur bersifat *centrifugal* atau elemen sensitif yang boleh menjadi bom jangka misalnya isu agama, bahasa, budaya, hak kaum, dapat dituntaskan dalam pakatan ini secara konsensus dan *politics of bargaining* diselangi dengan *compensatory politics* (prinsip politik pampasan).

Mengambil tempat sebagai teras atau teraju utama dalam keseluruhan rangka kerja perjalanan sistem kerajaan dan pemerintahan negara adalah 'politik pembangunan'. Diupayakan secara bersistem yang penuh rapi lagi terancang.

Ini dimanifestasikan menerusi Rancangan Malaysia yang kini sudah pun memasuki fasa kesembilan.

Hakikatnya 'politik pembangunan' ini menyediakan persekitaran kondusif bagi aktiviti perniagaan, selain menyumbang kepada kehendak untuk



PERPADUAN kaum yang kukuh menjadikan Malaysia dikagumi oleh negara-negara luar.

- Gambar hiasan

menarik pelaburan terus asing yang diterjemahkan menerusi dasar luar negara yang berkecuali (mencari seberapa banyak kawan berbanding musuh). Politik pembangunan juga meletakkan tahap kesejahteraan rakyat pada tingkat paling maksimum. Malah jika diamati negara seolah mengamalkan sistem *welfare state* dengan begitu banyaknya elemen, subsidi, bantuan pelbagai dalam semua bidang dan aspek kehidupan khususnya dalam sektor perkhidmatan sosial yang asas melibatkan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, kemudahan asas dan khidmat prasarana dan utiliti.

## Bergelut

Inilah yang gagal dilaksanakan oleh banyak negara, mengambil negara jiran Indonesia sebagai contoh, lapisan masyarakat yang ada hanyalah dua 'kelas atasan' dan 'golo-

ngan marhaen'. Lapisan kedua atau yang berada di tengah-tengah hampir tidak wujud. Selain itu banyak dari dasar dan perancangan pembangunan negara berkenaan menekankan soal keperluan rakyatnya secara mandiri dan bergelut untuk hidup tanpa bantuan dan bimbingan yang sewajarnya. Ini mungkin atas faktor jumlah penduduk yang ramai ataupun kerana rejim pemerintah yang seringkali bertukar ganti dan politiknya yang cukup rapuh.

Perkara pokok inilah yang melahirkan kerangka negara Malaysia pada hari ini.

Lantaran itu sebarang cubaan secara revolusioner atau membelakangkan undang-undang atau tanpa mengambil kira 'fundamental' dan segala indikator yang menyumbang kepada kelangsungan kemerdekaan negara selama lebih setengah abad, maka saat itulah kehancuran tamadun negara

akan berlaku. Saat itulah juga gagasan negara republik atau 'The Banana Republic' akan menjelma dalam kancah politik Malaysia seperti mana pengalaman negara-negara di Asia Barat, benua Afrika dan Amerika Latin yang tidak pernah puas bergolak dengan seribu macam masalah dan isu yang rencam.

Dengan demikianlah mempertahankan sistem sedia ada menjadi kewajipan dan tuntutan pada setiap warganegara yang berjumlah 26 juta orang. Hanya dengan cara ini sahaja, kita dikatakan menginsafikan nikmat kemerdekaan yang diperoleh selama ini. Sejahtera Malaysia. Demi menggapai Wawasan 2020 dan Misi 2057.

□ PENULIS ialah felo penyelidik Unit Politik dan Ekonomi Yayasan Sumber Maklumat.